

TEKS MENDENGAR

UNIT 1 : Anda Sihat Anda Ceria

Track 1

Dengar perbualan. Kemudian, lengkapkan perbualan dengan perkataan, rangkai kata, istilah, atau ungkapan yang betul dan sebut.

Penjagaan Kesihatan Badan

Jessica: Selamat petang. Boleh saya bercakap dengan Fatimah?

Fatimah: Selamat petang. Ya, Fatimah di sini.

Jessica: Hai, Fatimah! Saya Jessica. Sudah tiga hari kamu tidak ke sekolah. Adakah kamu tidak sihat?

Fatimah: Hai, Jessica! Ya, saya mengalami demam, sakit tekak, batuk, dan sakit kepala.

Jessica: Adakah kamu sudah pergi ke klinik? Apakah yang diberitahu oleh doktor?

Fatimah: Ya, saya sudah pergi ke klinik. Doktor menyatakan saya dijangkiti virus influenza. Oleh itu, saya perlu berehat di rumah selama beberapa hari.

Jessica: Apakah simptom-simptom seseorang dijangkiti virus influenza, Fatimah?

Fatimah: Antara simptom seseorang dijangkiti virus influenza termasuklah demam, letih lesu, sakit otot atau sendi, batuk, hidung berair, sakit tekak, dan sakit kepala.

Jessica: Bagaimanakah cara untuk mencegah jangkitan virus ini?

Fatimah: Selain pengambilan vaksin, virus ini boleh dicegah dengan cara kerap mencuci tangan, mengamalkan etika batuk dan bersin yang betul, serta memakai pelitup muka.

Jessica: Kamu harus makan ubat agar cepat sembuh. Rakan-rakan menanti kehadiran kamu di sekolah setelah sembuh nanti.

Fatimah: Terima kasih, Jessica.

UNIT 4 : Ilmu Penyuluhan Hidup

Track 2

Dengar bahan yang diberikan dengan telitinya. Kemudian, berikan maksud istilah dan ungkapan yang berhuruf tebal.

Bak Padi Berisi, Semakin Tunduk

Bagai padi semakin berisi, semakin tunduk,
begitulah engkau murid bijaksana,
ilmu menggunung tinggi di dada,
namun rendah hati tidak pernah lupa.

Seperti pohon berbuah lebat,
akademikmu gemilang mencakar langit,
namun akhlakmu lembut bak sutera,
sahsiah terpuji menawan jiwa.

Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung,
kauhargai setiap ilmu dengan budi yang agung,
setiap langkahmu penuh hemah,
menghormati guru, menyantuni rakan.

Tak pernah lupa asal usul,
walau pencapaianmu tak terkira,
seperti aur dengan tebing,
membantu rakan seiring sejalan.

Moga dirimu terus berjaya,
cemerlang di dunia, mulia di akhirat sana.



UNIT 7 : Remaja Berintegriti

Track 3

Dengar taklimat dengan telitinya. Kemudian, berikan respons tentang taklimat tersebut berpandukan gambar yang diberikan dalam bentuk perbualan.

Selamat pagi dan salam sejahtera kepada semua guru dan murid Tingkatan 2 yang saya hormati. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua murid yang telah hadir pada pagi ini untuk taklimat penting sebelum Ujian Akhir Sesi Akademik Tingkatan 2 dijalankan. Ujian ini sangat penting kerana merupakan penilaian akhir untuk menilai pencapaian akademik anda sepanjang tahun ini.

Pertama sekali, saya ingin mengingatkan semua murid tentang jadual peperiksaan yang telah diedarkan. Pastikan anda menyemak jadual dengan telitinya dan hadir ke sekolah mengikut masa yang ditetapkan untuk setiap mata pelajaran. Jangan lupa untuk membawa alat tulis yang mencukupi seperti pensel, pen, pembaris, pemadam, dan kalkulator (jika dibenarkan).

Seterusnya, saya ingin menekankan kepentingan menjaga disiplin dan tingkah laku sepanjang tempoh ujian. Anda semua dikehendaki berada di tempat duduk masing-masing lima belas minit sebelum ujian bermula. Pastikan anda tidak membawa bahan-bahan yang tidak dibenarkan seperti telefon bimbit, buku rujukan, atau sebarang catatan. Sekiranya anda didapati melanggar peraturan ujian, tindakan disiplin yang tegas akan diambil.

Selain itu, murid-murid diingatkan supaya membaca arahan pada kertas soalan dengan telitinya sebelum mula menjawab. Jangan terburu-buru dan pastikan anda menjawab semua soalan yang diberikan dengan cermatnya. Jika ada sebarang masalah atau kekeliruan, angkat tangan supaya guru pengawas dapat membantu anda.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada semua murid. Ingatlah bahawa usaha yang gigih akan membawa hasil yang baik. Semoga anda semua dapat menjawab soalan dengan tenangnya dan memperoleh keputusan yang cemerlang dalam Ujian Akhir Sesi Akademik ini.

UNIT 13 : Warna-warni Budaya

Track 4

Dengar petikan dengan telitinya. Kemudian, lengkapkan perbualan dengan maklumat yang betul dan tepat.

Gambus merupakan sejenis alat muzik tradisional masyarakat Melayu. Alat muzik gambus diklasifikasikan sebagai alat muzik kordofon, iaitu alat muzik yang menghasilkan bunyi apabila dipetik. Kebiasaannya, gambus dimainkan dalam persempahan tarian zapin serta dimainkan bagi mengiringi persempahan ghazal yang sinonim dengan Kesenian Negeri Johor. Alat muzik ini kebiasaannya diperbuat daripada kayu pokok nangka. Tahap kekerasan kayu yang digunakan dapat mempengaruhi bunyi gambus. Oleh itu, kayu harus dipilih dengan telitinya. Reka bentuk gambus terdiri daripada tiga komponen utama, iaitu kepala, leher, dan badan. Bahagian hadapan Gambus mempunyai permukaan yang rata dengan bentuk badan yang bulat di bahagian belakang. Gambus mempunyai lubang di bahagian tengah diukir dengan pelbagai motif berunsurkan flora, fauna, dan reka corak islamik.

UNIT 14 : Segalanya Bermula di Sini

Track 5

Berdasarkan maklumat yang diberikan, kemukakan cadangan tentang langkah-langkah untuk mengatasi masalah tersebut.

1. Kos pembelian rumah yang tinggi
2. Tempat meletak kereta yang terhad
3. Masalah keselamatan penghuni rumah
4. Kos penyelenggaraan tambahan yang membebankan

UNIT 24 : Hayati Rukun Negara

Track 6

Dengar petikan, kemudian jawab soalan-soalan berdasarkan petikan yang anda dengar.

Rukun Negara telah diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 sempena ulang tahun kemerdekaan Malaysia yang ke-13. Perisytiharan ini disempurnakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-IV, iaitu Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin. Rukun Negara diperkenalkan berikutan peristiwa 13 Mei 1969 yang melemahkan perpaduan antara kaum di Malaysia. Tujuan Rukun Negara dibentuk adalah untuk membentuk perpaduan yang kukuh. Prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara jelas merupakan kunci kepada keharmonian dan perpaduan kaum demi kejayaan dan kestabilan Malaysia.

Rukun Negara menggariskan lima prinsip, iaitu

- Kepercayaan kepada Tuhan
- Kesetiaan kepada Raja dan Negara
- Keluhuran Perlembagaan
- Kedaulatan Undang-undang
- Kesopanan dan Kesusilaan

UNIT 27 : Suburnya Bumiku

Track 7

Dengar dan fahami maklumat yang diberikan. Anda dikehendaki untuk berbicara tentang maklumat tersebut dengan rakan anda.

PERTANIAN BANDAR

Program pertanian bandar dilaksanakan untuk menggalakkan penduduk bandar menanam sayur-sayuran atau tanaman makanan di sekitar kediaman mereka supaya beban kenaikan kos sara hidup dapat dikurangkan.

Objektif program pertanian bandar:

- Menggalakkan penduduk setempat untuk menanam dan mengeluarkan bahan makanan sendiri bagi menampung keperluan harian serta mengurangkan kos sara hidup.
- Menambahkan pendapatan sampingan komuniti bandar melalui lebihan pengeluaran hasil pertanian.
- Menyokong usaha kerajaan dalam menjamin kualiti dan sekuriti makanan negara.
- Memupuk kesedaran dan minat terhadap kepentingan pertanian sebagai penyumbang kepada keceriaan persekitaran komuniti bandar.